Hari: ..... Tarikh: .....

Unit 13 Jadikan Inspirasi

Pemahaman: Bahagian A

Baca petikan di bawah ini dengan teliti nya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Allahyarhamah Datuk Maznah Abdul Hamid merupakan bekas Pengerusi Eksekutif Kumpulan Securiforce, iaitu sebuah syarikat keselamatan yang menawarkan pakej keselamatan yang lengkap. Beliau pernah menjadi pakar motivasi yang terkenal di Malaysia juga. Beliau ialah seorang pakar motivasi yang telah banyak memberi ceramah dan motivasi kepada peniaga-peniaga, ahli korporat, ahli politik, penjawat awam, dan sesiapa sahaja yang mahu meningkatkan potensi diri.

Wanita yang dilahirkan di Jerlun, Kedah ini cekal dalam membina empayar perniagaannya. Beliau *mendapat jolokan* "Wanita Besi" kerana beliau telah menjadi wanita pertama negara yang mengetuai sebuah syarikat keselamatan. Usaha gigih beliau telah membawa Syarikat Securiforce menjadi sebuah syarikat kawalan keselamatan yang terbesar di Malaysia dan berjaya menyaingi lebih 400 buah syarikat lain.

Hasil daripada kegigihan beliau dan kumpulannya menerajui syarikat, kini Syarikat Securiforce mempunyai beberapa buah anak syarikat yang sedang berkembang maju. Selain itu, Syarikat Securiforce juga turut bergiat aktif dan telah melebarkan sayap ke peringkat antarabangsa meliputi rantau Asia, Eropah, dan Timur Tengah dengan menubuhkan Securiforce Logistik.

Allahyarhamah Datuk Maznah amat dikagumi kerana beliau berjaya menubuhkan beberapa buah anak syarikat tanpa sebarang bantuan kewangan daripada pihak bank. Prinsip kejayaan beliau ialah "modal perniagaan yang sebenarnya ialah diri sendiri". Beliau telah meninggal dunia pada tahun 2017 kerana komplikasi jantung.

1. Datuk Maznah pernah menjadi pengerusi eksekutif
   - A syarikat perumahan.
   - B syarikat kewangan.
   - C syarikat kaunseling.
   - D syarikat keselamatan.

2. Mengapakah beliau digelar sebagai "Wanita Besi"?
   - A Mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang kimpalan besi
   - B Menjadi wanita pertama negara yang mengetuai sebuah syarikat keselamatan
   - C Membantu banyak orang untuk menubuhkan syarikat sendiri
   - D Memiliki kegigihan yang luar biasa dalam dunia perniagaan

3. Pelbagai kejayaan telah diraih oleh Syarikat Securiforce, **kecuali**
   - A diiktiraf sebagai syarikat terbesar dan aktif di Eropah.
   - B mengembangkan perniagaan hingga ke peringkat antarabangsa.
   - C menubuhkan beberapa buah anak syarikat tanpa sebarang bantuan kewangan daripada pihak bank.
   - D berjaya menyaingi lebih 400 buah syarikat keselamatan lain.

4. Rangkai kata *mendapat jolokan* dalam petikan bermaksud
   - A meraih kejayaan.
   - B memperoleh anugerah.
   - C menerima gelaran.
   - D menjadi kebanggaan.

LIVEWORKSHEETS